

TEKS UCAPAN

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

PERAYAAN HARI MAJLIS KE 43/2017

CERAMAH PERDANA

14 JULAI 2017 (KHAMIS), JAM 8.00 MALAM

MYDIN BUKIT MERTAJAM

.....
Yang Dihormati Ustaz Ebit Irawan Ibrahim Lew
Penceramah Jemputan

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hjh Rosnani binti Hj Mahmud
Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Abdul Fikri Ridzauddin bin Abdullah
Yang Dipertua PERMAI

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Penaja – Mydin Mall Bukit Mertajam

Rakan Media

Ahli-Ahli Jawatan Kuasa Permai

YBhg. Dato'-Dato'/ Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun dalam Program Ceramah Perdana Sempena Perayaan Hari Majlis ke 43/2017. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Mydin Mall Bukit Mertajam kerana sudi menaja lokasi program ceramah perdana ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menimba ilmu dalam program Ceramah Perdana ini.

Tidak terlambat juga rasanya bagi saya untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Maaf, Zahir Batin kepada semua.

Kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dipertua PERMAI dan Ahli Jawatankuasanya yang telah berjaya menganjurkan program ini. Ini adalah julung-julung kali satu ceramah anjuran PERMAI diadakan luar dari Ibu Pejabat MPSP dan Masjid Daerah. Tahniah!

YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

Ceramah Perdana kali ini akan dibentangkan oleh
penceramah yang tidak asing lagi, iaitu **Ustaz Ebit Irawan
Ibrahim Lew** atau lebih dikenali sebagai Ustaz Ebit Lew.
Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau
kerana sudi hadir memberi ceramah bertajuk “Akhlak Mulia
Integriti Mampan”.

Ceramah kali ini amat bertepatan sekali dengan kehidupan
kita sebagai insan di mana Akhlak yang Mulia memainkan
peranan yang amat penting dalam mengekalkan sikap Integriti
atau jati diri seseorang dalam pelaksanaan pekerjaan
seharian menuju keberkatan dunia dan akhirat.

Akhlak Mulia merupakan tuntutan dari Allah Ta'ala kepada manusia untuk dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat kelak. Selalu berusaha menjadi orang yang bertakwa dengan menjalankan perintahNya dan menjauhi laranganNya. Dengan adanya akhlak yang mulia dalam diri seseorang akan meningkatkan integriti seseorang yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan lain-lain tingkah laku yang baik.

Nilai integriti perlu ada dalam diri setiap orang sama ada melalui penampilan, sikap dan keputusan yang diambil. Jika seseorang tidak mempunyai nilai integriti dalam melaksanakan tugas, maka ianya akan merosakkan reputasi organisasi secara keseluruhan. Ini bermakna Akhlak yang Mulia Integriti yang Mampan akan menuju ke arah

kepemerintahan (pentadbiran) yang baik atau *good governance*.

Selaku Pihak Berkuasa Tempatan di Seberang Perai, kakitangan-kakitangan dalam Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah komited dalam usaha menambahbaik perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti untuk komuniti Seberang Perai selaras dengan motto iaitu “Kemampuan Adalah Komitmen Kami”. Tadbir urus di Majlis Perbandaran Seberang Perai diuruskan dengan penuh Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) untuk menjadikan Seberang Perai yang lebih berkualiti. Harapan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2017 yang seterusnya menjadikan Seberang Perai sebuah bandar yang pintar dan bertaraf antarabangsa.

Sebagai menghargai pekerja-pekerja MPSP yang komited terhadap pekerjaan masing-masing, MPSP telah memberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 221 kakitangan MPSP pada Tahun 2017. Selain daripada itu, Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-43 Hari Majlis 2017 yang akan berlangsung pada 23 Julai 2017, MPSP akan memberi pengiktirafan kepada 50 kakitangan dari pelbagai Jabatan sebagai Pekerja Contoh MPSP.

MPSP juga memberi perhatian yang serius ke atas mana-mana kakitangan yang melanggar peraturan dan tidak melaksanakan tugas dengan jujur dan betul. Sehingga Jun 2017, MPSP telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 10 kes, yang mana 5 daripadanya telah dibuang kerja. Manakala bagi kakitangan kontrak yang ditamatkan perkhidmatan / kontrak tidak diperhaharui sehingga Mei 2017 adalah 47 kes berbanding 154 kes tahun 2016. Saya menyeru semua

kakitangan MPSP supaya sentiasa menjaga tatatertib semasa menjalankan tugas dan tiada kelewatan datang bertugas di tempat kerja. Memastikan semua peraturan perkhidmatan dipatuhi semasa menjalankan tugas.

Salah satu kaedah dalam peningkatan integriti dalam perkhidmatan adalah dari segi pengamalan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S sejak dahulu lagi di mana semua kakitangan diseru agar menjadikan amalan 5S sebagai budaya dan bukan hanya untuk diaudit. Banyak manfaat yang diperolehi dari pengamalan budaya 5S ini antaranya mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Perlaksanaan Amalan 5S yang berkesan telah dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja di MPSP. MPSP telah berjaya dipersijilkan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S pada 2014, 2015 dan 2016 melalui

pengauditan yang dijalankan pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

Sama-samalah kita mendengar apa yang ingin disampaikan oleh ustaz dan berdoa kepada Allah agar majlis kita diberkati Allah. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan dengan apa cara sekali dalam menjayakan program serta sudi hadir pada malam ini.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarokatuh.